| INTI PATI PEMBELAJARAN / KUASAI FAKTA | KBAT & ELEMEN KEWARGANERAAN DAN NILAI SIVIK |
|---|---|
| 1. Latar belakang negara bangsa sebelum kedatangan Barat<br>2. Ciri-ciri negara bangsa sebelum kedatangan Barat.<br>3. Keunggulan sistem pentadbiran dan undang-undang sebelum kedatangan<br>4. Hubung kait peranan rakyat dan pemerintah dalam pemerintahan sebelum kedatangan Barat. | 1. Kepentingan kesetiaan kepada raja dan negara.<br>2. Kebanggaan terhadap warisan negara bangsa.<br>3. Kepentingan kepemimpinan untuk kemakmuran negara.<br>4. Kepentingan mematuhi undang-undang untuk kesejahteraan negara. |

| 1.1 Latar belakang negara bangsa sebelum kedatangan Barat | 1.2 Ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka | 1.3 Keunggulan sistem pentadbiran dan undang-undang | 1.4 Peranan pemerintah dan rakyat |
|---|---|---|---|
| **Kerajaan Alam Melayu**<br>**1.** Funan<br>**2.** Champa<br>**3.** Kedah Tua<br>**4.** Gangga Nagara<br>**5.** Srivijaya<br>**6.** Angkor<br>**7.** Majapahit<br><br>**Ciri-ciri negara bangsa Kerajaan Alam Melayu**<br><br>**i. Raja**<br>a. Tonggak utama kerajaan<br>b. Pentadbiran dibantu Pembesar<br>c. Raja ditaati dan dianggap suci<br>d. Raja Champa dianggap suci dan dikaitkan dengan Dewa Siva<br><br>**ii. Undang-undang**<br>a. Menjamin kesejahteraan kerajaan<br>b. Terpakai diseluruh wilayah pengaruh<br>c. Panduan mentadbir<br>d. Kerajaan Majapahit amalkan undang-undang ***Kutara Manawa***<br><br>**iii. Wilayah pengaruh**<br>a. Kawasan rakyat menerima dan akui pemerintahan raja<br>b. Kerajaan Funan ada wilayah pengaruh luas iaitu dari Sungai Mekong, Teluk Cam Ranh dan Segenting Kra<br><br>**iv. Rakyat**<br>a. Penduduk sesebuah wilayah<br>b. Setia kepada raja dan tidak menderhaka<br>c. Rakyat Srivijaya buktikan kesetiaan melalui upacara persetiaan dan minum air sumpah di Telaga Batu | **i. Kerajaan**<br>**a.** Kerajaan muncul kerana adanya raja<br>**d.** Raja pemerintah tertinggi dan dibantu pembesar<br>**c.** Guna sistem Pembesar Empat Lipatan<br>**d.** Guna gelaran sultan<br><br>**ii. Rakyat**<br>**a.** Beri taat setia dan patuh undang-undang<br>**b.** Rakyat Melaka terdiri orang Melayu dan Orang Laut<br>**c.** Ada golongan merdeka dan hamba<br>**d.** Hubungan timbal balik bawa persefahaman<br><br>**iii. Kedaulatan**<br>**a.** Lambang kekuasaan tertinggi seorang sultan<br>**b.** Hak mutlak sultan kawal rakyat dan wilayah<br>**c.** Diakui kerajaan lain dan bebas campur tangan asing<br>**d.** Diiktiraf Dinasti Ming<br><br>**iv. Wilayah pengaruh**<br>**a.** Kawasan pemerintahan raja yang diterima rakyat<br>**b.** Diperoleh melalui naungan penaklukan, perkahwinan<br>**c.** Bukti kewibawaan kerajaan<br><br>**v. Undang-undang**<br>**a.** Undang-undang bertulis<br>**b.** Hukum Kanun Melaka dan Undang- undang Laut Melaka<br>**c.** Kukuhkan kerajaan dan melindungi rakyat<br>**d.** KMM jadi kerajaan unggul<br><br>**vi. Lambang kebesaran**<br>**a.** Simbol identiti, kedaulatan sultan memerintah<br>**b.** Contoh adat istiadat, warna, nobat, regalia dan cap mohor<br>**d.** Cap mohor mengesahkan arahan daripada sultan | **Sistem pentadbiran**<br>**a.** Pembesar Empat Lipatan<br>**b.** Pembesar Berempat diberi kuasa mentadbir wilayah sungai, pulau dikenali **kawasan pegangan**<br><br>**i. Sultan**<br>**a.** Kuasai pemerintahan, peperangan,hubungan diplomatik dan agama<br><br>**ii. Bendahara**<br>**a.** Ketua pentadbir/Penasihat Pemangku Sultan/ Ketua turus angkatan tentera<br><br>**iii. Penghulu Bendahari**<br>**a.** Urus perbendaharaan<br>**b.** Hasil daripada cukai ufti dan perdagangan<br><br>**iv. Temenggung**<br>**a.** Menjaga keselamatan Kota Melaka<br><br>**v. Laksamana**<br>**a.** Panglima Angkatan Laut<br><br>**Undang-undang**<br>**i. Hukum Kanun Melaka**<br>**a. Jenayah**<br>i. Hukuman setimpal jenayah seperti bunuh, menikam, curi<br><br>**b. Peranan sultan**<br>i. Mentadbir, jelaskan tugas raja dan pembesar<br><br>**c. Kekeluargaan**<br>**i.** Masalah keluarga / kahwin<br>**ii.** Wanita/ hamba abdi tidak boleh jadi saksi pernikahan<br><br>**d. Ekonomi** -riba diharamkan<br><br>**ii. Undang-Undang Laut Melaka**<br>**a. Peranan Nakhoda**<br>**i.** Ibarat raja dalam pelayaran<br>**ii.** Keutamaan berniaga 4 hari<br><br>**b. Pelayaran**<br>**i.** Jelaskan peranan jurumudi malim dan jurubatu<br><br>**c. Jenayah**<br>**i.** Hukuman jenayah mencuri membunuh di atas kapal<br><br>**d. Percukaian**<br>**i.** Cukai perjalanan dan hasil perniagaan | **Golongan pemerintah**<br>1. Sultan<br>2. Pembesar<br>3. Kerabat raja<br>4. Ulama<br><br>**Golongan diperintah (rakyat)**<br>1. Petani, peniaga, tukang nelayan<br>2. Hamba seperti hamba raja, hamba berhutang dan hamba biasa<br><br>**i. Peranan Sultan**<br>a. Menaungi dan jaga keselamatan rakyat<br>b. Bentuk perpaduan rakyat<br>c. Memakmurkan dan wujudkan kestabilan<br>d. Buat undang-undang untuk mengawal rakyat<br><br>**ii. Peranan pembesar**<br>a. Jaga keamanan dan kebajikan rakyat di kawasan pegangan<br>b. Jadi perantara antara sultan dengan rakyat<br>c. Kutip hasil melalui sistem serah<br>d. Bekalkan tentera melalui sistem kerah<br><br>**iii. Peranan rakyat**<br>a. Tunjukkan taat setia, tidak derhaka kerana takut ditimpa tulah<br>b. Menjadi tentera<br>c. Hadir majlis gotong royong<br>d. Jadi pendayung kapal perang<br>e. Sumbang tenaga kerja melalui sistem kerah seperti bina istana,jalan<br><br>**Waadat -** Perjanjian antara Demang Lebar Daun (golongan diperintah) dengan Sang Sapurba (pemerintah)<br><br>**Tulah -** Kecelakaan kerana langgar larangan/ derhaka raja |